

Melengkapkan maklumat yang diperolehi daripada poster dalam bentuk dialog.

Kami Berbincang

Pertandingan Koir antara Kelas SK Gemilang

SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU

Tarikh: 14 Mei 20□□
Masa: 3:00 petang
Tempat: Dewan Besar SK Gemilang

Syarat Penyertaan

- (a) Terbuka kepada murid Tahun 3.
- (b) Tema pertandingan menghargai jasa guru.
- (c) Setiap kumpulan terdiri daripada pelbagai kaum.
- (d) Peserta perlu memakai pakaian kebangsaan.

Sila hubungi Cikgu Haris untuk maklumat lanjut.

Pertandingan koir diadakan pada 14 Mei.

Antara syaratnya ialah terbuka kepada murid Tahun 3.

Pertandingan koir diadakan di Dewan Besar SK Gemilang.

Bilakah pertandingan koir antara kelas diadakan?

Di manakah pertandingan koir ini diadakan?

Apakah syarat penyertaan bagi pertandingan koir ini?

